

## **CARTA FUNGSI LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)**

PENGURUS BESAR

### ➤ **UNIT PERUNDANGAN**

- Menyediakan draf perjanjian sama ada sewaan, pajakan, pinjaman dan sebagainya, mengarahkan panel peguam menyediakan draf perjanjian, menyemak draf perjanjian dan menyediakan draf akhir berdasarkan pandangan dan ulasan bahagian
- Mengurus dan menyempurnakan borang pindahmilik, gadaian, pelepasan gadaian, pajakan serta lain-lain borang berkaitan dengan tanah.
- Meneliti dan menyemak sesuatu kes tuntutan, kes KEJORA disaman dan memberi arahan kepada panel peguam untuk memulakan tindakan undang-undang atau pembelaan serta memantau perjalanan kes yang melibatkan KEJORA terutamanya sebagai Defendan

### ➤ **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

- Menyelaras Takwim Tahunan KEJORA setiap tahun,
- Menguruskan majlis-majlis rasmi KEJORA seperti pengacaraan, publisiti, jemputan dan protokol,
- Urusetia Hari KEJORA Bersama Pelanggan, Menghadiri Program Pengurus Besar bersama Kumpulan Sasar
- Mengendali media sosial KEJORA (Facebook dan Instagram), Pengurusan Media Cetak dan Media Elektronik,
- Mengemaskini pembekalan maklumat,
- Menyelaras pengendalian papan kenyataan,
- Menyelaras bekalan cenderamata jabatan

### ➤ **UNIT INTEGRITI**

#### **CAWANGAN PENGUKUHAN INTEGRITI, PENGURUSAN ADUAN, TADBIR URUS DAN PEMATUHAN**

##### ▪ **PENGUKUHAN INTEGRITI**

Menyelaras 8 Program Corporate Integrity Pledge (8 inisiatif), menyelaras serta melaksanakan program-program pembudayaan dan penginstitutionan Integriti dan memantapkan amalan nilai-nilai murni melalui tindakan kesedaran (awareness) dan pendidikan.

##### ▪ **PENGURUSAN RISIKO RASUAH**

Menyedia, menyelaras dan memantau Pelan Pengurusan Risiko Rasuah

##### ▪ **PENGURUSAN ADUAN**

Menyelaras hal ehwal aduan awam yang diperolehi dari pelbagai sumber

##### ▪ **TADBIR URUS**

Urusetia Mesyuarat JITU serta menyelaras pengukuhan tadbir urus dan menyalurkan dapatan hasil pengesanan dan pengesanan pelanggaran integriti yang melibatkan isu dasar serta sistem dan prosedur kepada pasukan JITU untuk tindakan selanjutnya oleh pasukan berkenaan.

##### ▪ **PEMATUHAN**

Hal-hal Pentadbiran, Fail Meja, Prosedur dan Tatacara dan menyelaraskan Sesi Khidmat Nasihat dan Rundingan SPRM

### **CAWANGAN PENGESANAN, PENGESAHAN DAN TATATERTIB**

#### ▪ **PENGESANAN DAN PENGESAHAN**

Mengenalpasti / Mengesan melalui sumber-sumber dalaman dan luaran dan menyiasat kes-kes salah laku dan pelanggaran etika organisasi.

Mengenalpasti dan menyiasat aduan berhubung salah laku, penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah

#### ▪ **TATATERTIB**

Memastikan kes-kes tatatertib semasa dan tertunggak diselesaikan segera terutamanya yang memerlukan keputusan panel tatatertib.

Menjadi urusetia dan melaksanakan prosedur tatatertib dan surcaj untuk pertimbangan Lembaga Tatatertib sehingga kes selesai.

Melaksanakan kajian analisa ke atas data-data kes tatatertib untuk mengenalpasti isu, trends, sektor, bagi cadangan penambahbaikan pengistituisian integriti di agensi.

### ➤ **UNIT AUDIT DALAM**

#### ▪ **Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam**

Merancang & mengenal pasti aktiviti pengauditan

Kelulusan Jawatankuasa Audit KEJORA

Maklum kepada Pengurus Besar, pihak pengurusan dan auditi

#### ▪ **Proses Pengauditan**

#### ▪ **Pengauditan Prestasi**

Penyediaan Memorandum Rancangan Audit (MRA)

Melaksanakan pra dan exit conference

Melaksanakan pemeriksaan audit

Melaksanakan pra dan exit conference

Penyediaan draf laporan audit

#### ▪ **Pengauditan kewangan & pematuhan/ pengauditan khas, susulan & penampilan audit**

Penyediaan senarai semak

Melaksanakan pra dan entrance conference

Melaksanakan pemeriksaan audit

Melaksanakan pra dan exit conference

Penyediaan draf laporan audit

#### ▪ **Mesyuarat Jawatankuasa Audit KEJORA**

Tindakan sebelum, semasa dan selepas mesyuarat

#### ▪ **Laporan Tahunan Audit**

Proses penyediaan

Laporan audit dikeluarkan

Percetakan

Pengedaran

➤ **UNIT PELABURAN**

▪ **SEKTOR TADBIR URUS KORPORAT/KHIDMAT PENGURUSAN PELABURAN**

- Penyediaan dan pematuhan dasar / polisi pelaburan KEJORA.
- Meneliti dan menilai cadangan pelaburan dalam bentuk hartanah dan kewangan bagi projek-projek komersial dan usahasama terutama dari aspek Pulangan Pelaburan / Return On Investment (ROI) kepada KEJORA.
- Menyelaras dan memantau aktiviti dan prestasi anak syarikat dan subsidairi termasuk prestasi projek / kewangan, penyaluran dana dan pusat rujukan bagi hal-hal pelaburan anak syarikat.
- Memantau dan memastikan aliran tunai bagi Pulangan Pelaburan / ROI bagi projek-projek komersial / usahasama KEJORA mengikut perancangan / perjanjian yang ditetapkan.
- Mengkaji cadangan pelaburan KEJORA termasuk kajian kebolehterasan / ke arah hala tuju membiyai diri, kajian feasibility dan kajian-kajian perunding / jurunilai lain yang berkaitan.
- Menjadi Urusetia Jawatankuasa Pelaburan KEJORA (JPK) dan Jawatankuasa Teknikal Pelaburan KEJORA (JTPK).
- Mewujud, memantau dan menyelaras hal-hal berkaitan Tadbir Urus Korporat.

▪ **SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH DAN KOMERSIAL**

- Menyelaras urusan perlantikan jurunilai hartanah dan swasta untuk tujuan perolehan / pelupusan aset pelaburan, pelaburan jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.
- Menyelaras permohonan cadangan projek-projek usahasama KEJORA (Perumahan / Pertanian / Pelancongan) yang berdaya maju.
- Menyelaras dan menilai semula pelaburan KEJORA dalam bidang-bidang pelaburan komersial sedia ada dalam bidang yang bersesuaian (viability & sustainability).
- Memantau perjanjian pelaburan usahasama / swasta KEJORA selaras dengan pulangan pelaburan yang telah ditetapkan dalam perjanjian / persetujuan.

▪ **SEKTOR PENGURUSAN TABUNG-TABUNG DAN EKUITI**

- Menyelaras urusan pelantikan perunding/pengurus dana bagi pelaburan ekuiti, bon dan pasaran wang.
- Merancang dan menilai cadangan pegangan ekuiti anak syarikat dan syarikat bersekutu KEJORA.
- Mengurus tabung-tabung yang diwujudkan bagi tujuan pelaburan.
- Mengurus Kumpulan Wang Amanah Pelaburan KEJORA / 'Trust deed' KEJORA / unit amanah (ekuiti, bon, stok, SUKUK, pasaran wang).
- Menguruskan tabung pelaburan yang mana pulangannya untuk membiyai program CSR KEJORA.